

**Anwar tamak mahu rampas kerusi Kuala Besut, kata Shabery
Malaysian Insider
June 27, 2013
Oleh Md Izwan**

Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek mengatakan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai seorang yang tamak kerana bersikap tergesa-gesa mahu merampas kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Besut yang kosong selepas Dr A. Rahman Mokhtar meninggal dunia.

Menteri Komunikasi dan Multimedia itu berkata sikap pemimpin pembangkang tersebut sebagai tidak menghormati keluarga Dr. A. Rahman yang masih bersedih dan bukannya hanya memikirkan tentang politik.

"Saya rasa Datuk Seri Anwar Ibrahim perlu sabar dahulu kerana bagi kami perlu hormati keluarga arwah yang masih sedih atas pemergian.

"Inilah sikap orang politik, baginya ia adalah perkara yang menggembirakan... Kemudian tunjuk sikap tamak untuk terkam kerusi disitu," kata ahli Parlimen Kemaman itu dalam sidang media di Hotel One World, merujuk kepada ketua pembangkang semasa merasmikan majlis perkhidmatan penyimpanan jalur lebar Awan HeiTech pagi ini.

Menurut Ahmad Shabery, calon bagi kerusi tersebut hanya akan diputuskan selepas keadaan reda bagi menghormati keluarga arwah.

"Bagi saya, ini masih waktu bersedih untuk kami," katanya lagi.

Beliau menegaskan sebarang perbincangan tentang nama calon tidak wajar dilakukan sekarang memandangkan pihak keluarga masih bersedih dan perlu menunggu notis daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengenai kekosongan kerusi tersebut.

"Kami belum fikir pasal calon, ia terlalu awal untuk kami... Kami masih menunggu notis daripada SPR," tambah beliau. - 27 Jun, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-tamak-mahu-rampas-kerusi-kuala-besut-kata-shabery/>